

Menerapkan Nilai-nilai Islam dalam Pengurusan Rentas Sempadan di antara Malaysia dan Indonesia: Kajian Kes Sempadan Sabah dan Kalimantan Utara

Applying Islamic Values in Cross Border Management between Malaysia and Indonesia: A Case Study between Sabah and North Kalimantan

Zaharah binti Yahya @ Yahaya¹, Nur Ayuni binti Mohd. Isa², Ratna Roshida binti Ab. Razak³

^{1, 2, 3}Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan (JPKK), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Article progress

Received: 27 November 2025

Accepted: 29 Januari 2026

Published: 31 May 2026

*Corresponding author:

Zaharah binti Yahya @ Yahaya

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan (JPKK),

Fakulti Ekologi Manusia,

Universiti Putra Malaysia

(UPM), Malaysia

Email: zaharahphd@gmail.com

Abstrak: Sistem pentadbiran sempadan Malaysia banyak mewarisi legasi kolonial yang menekankan aspek kawalan fizikal, kepentingan ekonomi dan kedaulatan negara tetapi kurang menekankan dimensi moral dan spiritual. Ketidakeimbangan ini telah menyumbang kepada isu seperti rasuah, penyeludupan dan ketirisan maklumat terperingkat dalam pelaksanaan penguatkuasaan. Kajian ini bertujuan mengkaji pelaksanaan semasa tadbir urus rentas sempadan di antara Sabah-Kalimantan Utara dan jurang pelaksanaannya, menganalisis peranan aktor negeri dan komuniti tempatan dalam pengurusan sempadan dan mencadangkan penambahbaikan terhadap tadbir urus rentas sempadan berasaskan nilai-nilai Islam. Kajian ini menggunakan kaedah Wawancara Mendalam melibatkan 6 orang informan yang terdiri dari Pegawai Kerajaan, Pakar Bidang dan Ahli Komuniti yang dipilih secara Persampelan Bertujuan. Kajian ini mendapati terdapat kekurangan integriti dan ketelusan dalam penguatkuasaan, kelemahan komunikasi strategik dan penyampaian maklumat, masalah kebertanggungjawaban dan amanah dan cabaran strategi dan kebijaksanaan dalam pengurusan sempadan. Kajian ini memperkenalkan 'Model al-Amīn' sebagai kerangka baharu pengurusan rentas sempadan berasaskan keperibadian Nabi Muhammad SAW. Limitasi pada kajian ini berpunca dari kekurangan kajian terdahulu berkaitan pengurusan rentas sempadan darat atau sungai di antara Sabah dan Kalimantan Utara. Kajian ini memberikan sumbangan kepada penggubal dasar Kerajaan Pusat dan Negeri susulan perpindahan ibu kota negara Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan dengan memberikan nilai-nilai asas sebagai panduan dalam menguatkuasa undang-undang rentas sempadan yang lebih menyeluruh.

Kata kunci: Tadbir Urus, Rentas Sempadan, Sabah, Kalimantan Utara, Penyeludupan.

Abstract: Malaysia's border administration system inherited many colonial legacies which emphasized physical control, economic interests and national sovereignty with lesser emphasize on moral and spiritual dimensions. This imbalance has contributed to issues such as corruption, smuggling and information leakage in the implementation of enforcement. This study aims to examine the current implementation of cross-border governance between Sabah-North Kalimantan and its implementation gaps, analyze the roles of state actors and local communities in border management and propose improvements to cross-border governance based on Islamic values. This study used In-depth Interview method involving 6 informants consisting of Government Officials, Field Experts and Community Members selected through Purposive Sampling. This study found that there is a lack of integrity and transparency in enforcement, weaknesses in strategic communication and information delivery, problems of accountability and trustworthiness and challenges to strategy and wisdom in border management. This study introduces the 'al-Amīn Model' as a new framework for cross-border management based on the personality of Prophet Muhammad SAW. The limitations of this study stem from the lack of previous studies related to land or river cross border management between Sabah and North Kalimantan. This study contributes to the Central and State Government policymakers following the relocation of the Indonesian capital from

Jakarta to Kalimantan by providing basic values as a guide in enforcing more comprehensive cross-border laws.

Keywords: Governance, Cross-Border, Sabah, North Kalimantan, Smuggling.

Pengenalan

Ketika zaman penjajahan British di Tanah Melayu dan Borneo Utara, sempadan ditentukan bukan atas asas komuniti dan nilai kemanusiaan tetapi berdasarkan kepentingan ekonomi dan geopolitik penjajah (Reid, 2001; Tarling, 1992). Garisan sempadan Sabah-Kalimantan dibentuk melalui British-Dutch Convention 1891 dan Perjanjian 1915 yang lebih menumpukan kepada pembahagian sumber dan wilayah kolonial berbanding kesejahteraan masyarakat setempat tanpa mengambil kira faktor keselamatan (Leifer, 1999).

Pada hari ini, penguatkuasaan undang-undang oleh agensi-agensi Kerajaan berkaitan pengurusan sempadan terkesan berikutan falsafah Barat ini. Contohnya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) memantau pergerakan barangan bercukai melalui Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan memberikan bidang kuasa pegawai kastam untuk memeriksa, menahan dan merampas barangan yang disyaki menyalahi undang-undang. Ia memberi fokus kepada *control of goods* dan *collection of revenue* yang memusatkan kuasa kepada kerajaan persekutuan dan tidak memberi banyak ruang kepada kerjasama *people-to-people* di sempadan. Akibatnya, kawalan kastam di Sabah-Kalimantan Utara sering gagal menangani *grey area* yang melibatkan perdagangan kecil dan kegiatan barter tradisional merentasi sempadan. Keadaan ini membuka ruang kepada rasuah dan penyalahgunaan kuasa kerana tiada sistem nilai yang menuntut akauntabiliti berasaskan nilai Amānah.

Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertujuan mengawal pengedaran dan penjualan barang kawalan bersubsidi seperti minyak masak, gula, tepung, minyak petrol dan tong gas LPG. Ia juga memberi kuasa kepada KPDN untuk memantau dan mendakwa individu atau syarikat yang menyeleweng atau menyeludup barang kawalan ke luar negara melalui sempadan. Disebabkan akta ini menyasarkan kepada perlindungan pasaran dan bukan keadilan sosial, ia melindungi ekonomi nasional dan kestabilan harga barang. Namun, tanpa nilai Amānah dan ihsan, undang-undang ini sering gagal menanam kesedaran dalam kalangan peniaga dan pegawai penguat kuasa yang bersekongkol dalam aktiviti penyeludupan. Falsafah sekular yang menjadi asasnya memisahkan urusan pentadbiran dengan moral agama menjadikan pelanggaran etika, ketirisan bekalan dan persekongkolan (*collusion*) di antara pegawai dan penyeludup sukar dibendung (Aziz, 2015).

Di bawah Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Akta Pencegahan Jenayah 1959 [Akta 297] dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] digunakan dalam pengurusan jenayah rentas sempadan seperti penyeludupan, pemerdagangan manusia dan keganasan rentas sempadan. Pendekatan undang-undang ini lebih bersifat penindakan (*punitive*) daripada pendidikan moral (*reformative*) menunjukkan kesan langsung pengaruh pemikiran positivisme dalam sistem keadilan Malaysia.

Di bawah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS/MCBA), Akta Agensi MCBA 2024 [Akta 860] memberikan bidang kuasa MCBA sebagai penyelarar utama penguatkuasaan di 22 pintu masuk sempadan bersama-sama agensi lain termasuk PDRM, KDRM, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Namun, pelaksanaannya lebih menekankan prosedur pematuhan (*compliance*) dan pemantauan teknikal yang mencerminkan orientasi *command and control* yang kurang memberi ruang kepada pendekatan nilai seperti Amānah dalam penguatkuasaan.

Dalam tempoh 2024 hingga 2025, sekurang-kurangnya 18 pegawai MCBA direman kerana disyaki terlibat dalam kegiatan melepaskan warga asing tanpa pemeriksaanan imigresen yang sah di KLIA. Pada masa yang sama, beberapa pegawai penguat kuasa ditahan kerana memalsukan pembaharuan pasport atau menyerahkan pasport tanpa kehadiran pemohon sebenar di Sabah (Bernama, 2025). Sindiket ini beroperasi melalui pemberian akses khas di kaunter imigresen dan pemalsuan data dalam sistem kawalan sempadan dengan imbuhan wang tunai, barangan mewah serta akaun bank yang dibekukan hasil siasatan.

Pada bulan Oktober 2024, Kawasan Keselamatan Khas Sabah Timur (ESSCOM) bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan PDRM Bukit Aman menahan enam individu dan merampas wang tunai sebanyak RM1.4 juta dalam Operasi Jenayah Rentas Sempadan (JRS) di daerah Tawau kerana didapati melanggar undang-undang berkaitan cukai pendapatan dan pengubahan wang haram (Bernama, 2024a). Selain itu, operasi oleh KDRM Sabah pada bulan September 2024 berjaya merampas barangan seperti alkohol, rokok dan barangan elektrik bernilai kira-kira RM1.04 juta di beberapa


lokasi termasuk Sandakan, Tawau dan Semporna yang menunjukkan skala penyeludupan barangan tidak bercukai yang aktif di kawasan sempadan (Bernama, 2024b). Satu lagi kes melibatkan KDRM Sabah pada Februari 2025 mendapati rokok seludup dan minuman keras tanpa cukai bernilai RM1.31 juta dirampas dalam tiga rampasan berasingan di daerah Kota Kinabalu, Tawau dan Semporna (Asmin, 2025).

Operasi penguatkuasaan juga bukan hanya tertumpu kepada barangan bercukai, rokok atau alkohol. Contohnya, pada bulan Mac 2025, penangkapan oleh *General Operations Force* (GOF) dan agensi berkaitan menunjukkan rampasan barangan beku bernilai RM4.57 juta dari beberapa premis yang tidak mempunyai permit atau dokumentasi sah di tujuh daerah di Sabah (Malay Mail, 2025). Operasi penguatkuasaan berterusan oleh agensi-agensi Kerajaan memberikan indikasi bahawa kelemahan pemantauan sempadan di Sabah menyebabkan kerugian atau ketirisan dari hasil Negara yang perlu dihentikan.

Justeru, kajian ini akan meneliti persoalan-persoalan mengenai apakah isu dan jurang pelaksanaan pengurusan rentas sempadan sedia ada, bagaimanakah peranan aktor negeri dan komuniti tempatan dalam tadbir urus rentas sempadan serta apakah pendekatan penambahbaikan berasaskan nilai-nilai Islam yang dapat mengukuhkan tadbir urus rentas sempadan Sabah-Kalimantan Utara.

Sorotan Literatur

Rajah 1: Perkembangan Tadbir Urus Rentas Sempadan di antara Sabah dan Kalimantan Utara



Rajah 1 menunjukkan perkembangan tadbir urus rentas sempadan di antara Sabah dan Kalimantan Utara. Pada awal penubuhan Persekutuan Malaysia pada 1963, hubungan Malaysia-Indonesia tegang disebabkan dasar Konfrontasi Presiden Sukaerno menolak pembentukan Malaysia dan mengumumkan langkah ‘Ganyang Malaysia’ yang menyebabkan operasi ketenteraan di sempadan Kalimantan Utara dan Borneo. Dalam tempoh ini, pasukan Indonesia termasuk Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) dan Tentera Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) melakukan serangan dan penyusupan di sempadan Sarawak dan Sabah yang secara tidak langsung memperlihatkan kelemahan dalam tadbir urus sempadan yang masih tidak teratur tanpa sebarang struktur undang-undang yang mantap (Suhaini N. & Karim AKA. 2016). Konflik ini melibatkan pelbagai pertempuran kecil termasuk di Long Jawai dan kawasan lain di Borneo sebagai manifestasi serangan rentas sempadan itu sendiri. Perkara ini telah memberikan kesedaran bahawa tiada sistem kolaboratif yang berkesan pada masa itu disebabkan Malaysia hanya bergantung kepada pendekatan pertahanan sendiri dan sokongan dari British dan Australia (ARM Ali et. Al., 2019).

Selepas berakhirnya Konfrontasi pada pertengahan 1960-an, kedua-dua negara mula menyedari keperluan struktur koordinasi sempadan untuk keselamatan bersama. Pada 24 Julai 1972, Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Indonesia diadakan di Sumatera sebagai usaha rasmi untuk mengurus isu sempadan secara bersama. Ini merupakan permulaan pembinaan sistem tadbir urus rentas sempadan melalui pertemuan formal dua hala di antara kerajaan Malaysia dan Indonesia. Menurut S. Saad et. al., 2023, pertemuan ini melambangkan satu peralihan daripada pendekatan unilateral kepada perundingan dan kerjasama dalam menangani isu sempadan terutamanya dalam konteks ancaman keselamatan seperti komunisme dan kegiatan luar undang-undang di sempadan Kalimantan (S. Saad et. al., 2023).

Dalam dekad berikutnya, Malaysia dan Indonesia menghadapi beberapa pertikaian sempadan termasuk tuntutan berhubung Pulau Ligitan dan Sipadan di Laut Sulawesi. Pertikaian ini mencerminkan isu sempadan yang kompleks bukan

hanya di daratan tetapi juga di perairan. Kedua-dua negara bersetuju untuk membawanya ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan pada 17 Disember 2002, keputusan ICJ memutuskan kedaulatan pulau-pulau tersebut kepada Malaysia berdasarkan bukti pendudukan efektif. Kes ini menjadi penanda penting bahawa tadbir urus sempadan kini melibatkan sistem adjudikasi antarabangsa dan bukan sekadar rundingan dua hala sahaja. Malaysia menunjukkan komitmen kepada penyelesaian secara perundangan antarabangsa sebagai elemen tadbir urus rentas sempadan moden (MF Sakdan & AM Mohamed, 2014).

Mulai tahun 1990, Malaysia dan Indonesia memperkemas struktur kerjasama sempadan melalui beberapa mekanisme termasuk Joint Working Group (JWG) untuk menangani isu seperti perselisihan pulau dan sempadan laut dan menggantikan model pertemuan biasa yang sebelumnya. Malindo Social Security Cooperation (Sosek Malindo) dan Joint Indonesia-Malaysia (JIM) merupakan inisiatif diplomasi sempadan dalam tempoh 2014-2020 bertujuan menangani isu sosial dan keselamatan di kawasan sempadan serta meningkatkan dialog tahunan di antara kedua negara (Y. Sari, 2024). Perundingan sempadan darat dan laut yang berterusan diadakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Bersama termasuk perbincangan terkini untuk mempercepatkan rundingan batas darat dan laut, mencerminkan penambahbaikan berterusan terhadap sistem tadbir urus sempadan moden. Setelah itu, Malaysia telah menguatkuasakan pelbagai dasar seperti Dasar Keselamatan Negara yang menekankan tadbir urus sempadan yang efektif dan integrasi keselamatan serta kemakmuran rakyat di kawasan sempadan. Perundangan dan garis panduan operasi bersama turut dilaksanakan bagi melindungi nelayan dan menangani aktiviti rentas sempadan yang tidak diingini serta koordinasi antara agensi keselamatan dan kerajaan negeri.

Sejak pembentukan Provinsi Kalimantan Utara pada 2012, hubungan rentas sempadan Sabah-Kalimantan Utara menjadi lebih tersusun melalui pendekatan paradiplomasi negeri ke negeri. Ketua Menteri Sabah dan Gabenor Kalimantan Utara secara konsisten mengadakan lawatan rasmi dua hala, menumpukan kerjasama keselamatan, perdagangan sempadan dan mobiliti penduduk. Antara fokus utama ialah pembangunan kawasan sempadan seperti Sebatik, Tawau-Nunukan dan Kalabakan-Simanggaris yang dilihat sebagai zon interaksi sosial dan ekonomi bersama (Sarjono et al., 2021). Kerjasama ini menandakan peralihan daripada hubungan yang didominasi oleh kerajaan pusat kepada pendekatan tadbir urus sub-nasional selari dengan teori paradiplomasi yang membenarkan kerajaan negeri memainkan peranan aktif dalam hubungan antarabangsa berskala tempatan (Jeshurun, 2018). Di bawah kerangka General Border Committee (GBC) Malaysia-Indonesia, negeri Sabah terlibat secara langsung melalui wakil kerajaan negeri, pasukan keselamatan dan agensi teknikal. Mesyuarat GBC dan Joint Border Committee membincangkan isu keselamatan darat dan laut, penyeludupan, pergerakan tradisional penduduk serta penyelarasan operasi keselamatan di sempadan Sabah-Kalimantan Utara (MKN, 2022). Peranan Sabah dalam GBC bukan sekadar pelaksana arahan pusat tetapi sebagai penyumbang maklumat lapangan, khususnya berkaitan laluan tidak rasmi (*illegal routes*), aktiviti perdagangan barter dan isu komuniti setempat yang tidak difahami sepenuhnya di peringkat persekutuan.

Salah satu usaha paling signifikan oleh Kerajaan Negeri Sabah ialah penyelarasan Barter Trade Agreement (BTA) di antara Sabah dan Kalimantan Utara melalui pelabuhan seperti Tawau dan Nunukan. Program ini bertujuan menghalalkan perdagangan kecil tradisional yang telah wujud sebelum pembentukan sempadan moden sekali gus mengurangkan aktiviti penyeludupan (Sarjono et al., 2022). Perdagangan Barter ini melibatkan barangan keperluan asas dan hasil pertanian dan diuruskan dengan penglibatan KDRM, Kerajaan Negeri Sabah, Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah dan wakil komuniti peniaga tempatan. Pendekatan ini mencerminkan tadbir urus pragmatik yang mengiktiraf realiti sosioekonomi masyarakat sempadan berbanding pendekatan kawalan mutlak ala-Barat.

Selain itu, penduduk tempatan di kawasan seperti Pulau Sebatik yang secara fizikal terbahagi antara Malaysia dan Indonesia memainkan peranan penting dalam mengekalkan kestabilan sosial rentas sempadan. Kajian menunjukkan bahawa aktiviti ekonomi tidak formal, perkahwinan rentas sempadan dan jaringan kekeluargaan telah mewujudkan bentuk *people-to-people diplomacy* yang membantu meredakan ketegangan politik negara (Sarjono & Rudiatin, 2022). Kerajaan Negeri Sabah, melalui pemimpin daerah dan wakil rakyat tempatan sering bertindak sebagai perantara tidak formal antara komuniti dan agensi keselamatan bagi mengelakkan konflik kecil daripada berkembang menjadi isu diplomatik. Pemimpin negeri Sabah dan Kalimantan Utara turut menyokong program pertukaran budaya, pendidikan dan sukan di kawasan sempadan. Program seperti festival budaya, dialog masyarakat dan kerjasama pendidikan tidak formal bertujuan memupuk rasa kebersamaan serantau dan mengurangkan persepsi “kita vs mereka” di sempadan (Rahman et al., 2021). Usaha ini penting kerana ia menyumbang kepada keselamatan jangka panjang melalui kepercayaan sosial, bukan sekadar kawalan fizikal.

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai 3 objektif iaitu mengkaji pelaksanaan semasa tadbir urus rentas sempadan di antara Sabah-Kalimantan Utara dan jurang pelaksanaannya, menganalisis peranan aktor negeri dan komuniti tempatan dalam pengurusan sempadan dan mencadangkan penambahbaikan terhadap tadbir urus rentas sempadan berasaskan nilai-nilai Islam

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah Wawancara Mendalam (*In-depth Interview*) secara bersemuka dan melalui perbincangan telefon. Melalui kaedah Persampelan Bertujuan (*Purposive Sampling*), para informan dipilih berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mendalam mereka dalam urusan rentas sempadan. Walau bagaimanapun, maklumat mengenai informan adalah dirahsiakan. Rakaman wawancara diolah menjadi transkrip yang kemudian dianalisis secara manual bagi mengenalpasti kod, kategori dan tema perbincangan. Setelah mencapai tahap ketepuan (*saturation*), tema yang dikenalpasti diuraikan berdasarkan objektif kajian. Seramai 6 orang yang terdiri dari pegawai Kerajaan, pakar bidang dan ahli komuniti yang terlibat secara langsung dalam bidang pengurusan rentas sempadan telah terpilih dalam sesi Wawancara Mendalam. Sesi tersebut menggunakan soalan separuh berstruktur (*semi-structured questions*) yang berlangsung sekitar 1-1^{1/2} jam. Profil informan adalah seperti berikut:

Jadual 1: Profil Informan

Kumpulan Informan	Label Informan	Jantina	Tarikh temubual	Tempoh Penglibatan	Lokasi Informan	Jenis Wawancara
Ahli Komuniti	Informan 1	Lelaki	17 Mac 2025	25	Sabah	Panggilan telefon
	Informan 2	Lelaki	23 April 2025	25	Sabah	Panggilan telefon
Pakar Bidang	Informan 3	Lelaki	19 Mei 2025	22	Kuala Lumpur	Bersemuka
	Informan 4	Lelaki	9 Ogos 2025	20	Selangor	Bersemuka
Pegawai Kerajaan	Informan 5	Lelaki	8 Julai 2025	20	Kuala Lumpur	Bersemuka
	Informan 6	Perempuan	8 Julai 2025	17	Kuala Lumpur	Bersemuka

Jadual 1 menunjukkan senarai informan yang terlibat dalam Wawancara Mendalam kajian ini yang diolah kepada transkrip. Data yang dikumpul kemudian dianalisis bagi menepati objektif kajian. Seterusnya satu model pengurusan rentas sempadan baharu yang menerapkan nilai-nilai Islam dibangunkan.

Keputusan & Perbincangan

1). Kekurangan Integriti dan Ketelusan dalam Penguatkuasaan

Jadual 2: Pernyataan penting dan makna imperatif berkaitan Integriti dan Ketelusan

Pernyataan penting	Makna imperatif
i. <i>"Tapi imigresen.. jangan cerita, saya memang, imigresen punya.. pada mata saya tu memang sangat teruklah.. saya pernah kerja dengan JPN, JPN kan bawah KDN.. Imigresen pun bawah KDN. Susah nak cakap. Sebab kadang-kadang bukannya kita nak kata.. orang kata dia.. itu rezeki dialah kan.. tapi kadang-kadang, bukan pegawai tinggi tapi kereta dahsyat-dahsyat. Nak cakap macamana tau.. macam kita.. takde bukti."</i>	Informan mengakui kelemahan kakitangan Imigresen (" <i>sangat teruk</i> ") tapi merayu untuk menerima realiti (" <i>rezeki dialah</i> ") kerana kekurangan bukti terhadap kesalahan.
ii. <i>"Lebih-lebih lagi keadaan sekarang ini, banyak sogok sana sogok sini.. Jadi bukanlah saya mau memburuk-burukkan ini Kerajaan ini, ini pasukan sekarang ini. Tapi itulah hakikat dia. Kau bikin macam kau tengok itu, mohon maafilah Lahad Datu"</i>	Imperatif ini mencerminkan kritikan tersirat terhadap agensi Kerajaan berkaitan dan pasukan keselamatan selari dengan pengalaman informan untuk memantau sempadan. Informan ini menunjukkan sikap terkilan terhadap peristiwa

<i>itu.. dia ada marine team kan. Kenapa itu lanun, itu mundu boleh naik di pengkalan?"</i>	Tanduo yang telah mengorbankan anggota keselamatan.
iii. <i>"Sebab orang tempatan, kemahiran ada tapi bila segi integriti susah sikit. Bukan nak salahkan diorang tapi isu kekeluargaan ni, sangat besar. Macam Tanduo punya kes lah, ada orang dalam. Orang dalam pastu dia duduk situ."</i>	Selari dengan pengalaman informan, imperatif ini mencerminkan kritikan halus terhadap agensi Kerajaan khususnya terhadap orang tempatan yang terlibat serta dalam aktiviti penyeludupan.

Jadual 2 menunjukkan terdapat kekurangan integriti, ketelusan dan penguatkuasaan dalam pelaksanaan tadbir urus rentas sempadan di antara Sabah dan Kalimantan Utara. Pengalaman langsung informan menunjukkan wujudnya jurang ketara di antara dasar dan pelaksanaan di lapangan. Apabila penguatkuasaan bergantung kepada budi bicara dan kekurangan bukti. Dapatan ini menyokong objektif kajian pertama yang meneliti pelaksanaan semasa tadbir urus sempadan serta jurang pelaksanaannya. Pada masa yang sama, kritikan informan terhadap agensi kerajaan dan pasukan keselamatan mencerminkan peranan aktor negeri yang masih lemah dari segi akauntabiliti dan penghayatan nilai integriti. Walaupun komuniti tempatan mempunyai pengetahuan kontekstual yang mendalam mengenai realiti sempadan, peranan mereka kurang dimanfaatkan secara sistematik dalam pengurusan sempadan. Keadaan ini menjejaskan kepercayaan dua hala antara masyarakat dan pihak berkuasa selari dengan objektif kajian kedua yang menganalisis peranan aktor negeri dan komuniti tempatan. Manakala, makna imperatif ketiga menegaskan keperluan penambahbaikan tadbir urus sempadan berasaskan nilai-nilai Islam. Penerapan nilai Islam dilihat penting bagi merapatkan jurang pelaksanaan, memperkukuh penguatkuasaan serta membina kebijaksanaan dalam membuat keputusan.

2). Kelemahan Komunikasi Strategik dan Penyampaian Maklumat

Jadual 3: Pernyataan penting dan makna imperatif berkaitan Komunikasi Strategik dan Penyampaian Maklumat

Pernyataan penting	Makna imperatif
i. <i>"Untuk memastikan semua operasi berjaya, kita kena elakkan ruang untuk melakukan kesilapan. Kalau ruang tu jika semakin kecilkan dia, jadinya ketirisan ataupun salahlaku tu semakin susah dilakukan."</i>	Informan menunjukkan imperatif yang mengkriti secara halus terhadap kebocoran maklumat mengenai operasi penguatkuasaan yang sepatutnya boleh dielakkan melalui komunikasi strategik di kalangan agensi Kerajaan
ii. <i>"Sabah dan Kerajaan Persekutuan untuk membincangkan perkara bagi mencari cara kerjasama yang lebih baik supaya dalam beberapa kes, pihak berkuasa negeri diberikan hak Persekutuan untuk melakukan pemeriksaan dan semua itu.. dan itu bermakna terdapat persetujuan antara mereka. Pada masa ini, tiada persetujuan sedemikian... Jadi negeri mempunyai tanggungjawabnya sendiri. Persekutuan juga mempunyai tanggungjawabnya sendiri. Terdapat lembaga gabungan yang bekerjasama antara Negeri dan Persekutuan. Tetapi terpulang kepada mereka untuk mengadakan perbincangan.."</i>	Makna imperatif percakapan ini berkisar kepada satu arahan halus supaya rundingan antara Sabah dan Persekutuan berikutan terdapat jurang kerjasama rasmi dalam pengurusan sempadan.
iii. <i>"Sebab ini kena perlukan kerjasama dari konsulat sebab saya memang dah tak berhubung dengan sana. Kena refer dengan pihak Konsulat sana untuk diorang discuss dengan Sabah."</i>	Pernyataan " Kena refer dengan pihak Konsulat sana untuk diorang discuss dengan Sabah" mencerminkan kelemahan komunikasi strategik di antara Konsulat Malaysia di Pontianak dan Kerajaan Negeri Sabah.

Jadual 3 menjelaskan mengenai kelemahan komunikasi strategik dan penyampaian maklumat dalam pengurusan rentas sempadan di antara Sabah dan Kalimantan Utara. Kenyataan informan menunjukkan bahawa terdapat kebocoran maklumat terperingkat semasa operasi penguatkuasaan dijalankan, ketiadaan saluran komunikasi rasmi yang berkesan dan jurang koordinasi di antara agensi telah menjejaskan keberkesanan operasi penguatkuasaan. Keadaan ini mencerminkan jurang di antara perundangan atau dasar yang tidak mencerminkan pelaksanaan sebenar di lapangan.

Dapatan ini menepati objektif kajian pertama untuk meneliti pelaksanaan semasa tadbir urus sempadan dan jurang pelaksanaannya. Dapatan ini turut berkait rapat dengan objektif kajian kedua apabila wujud ketidakselarasan peranan di antara Kerajaan Negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan dan pihak Konsulat berkaitan dalam pengurusan sempadan. Sebaliknya, makna imperatif ketiga menyokong objektif kajian ketiga kajian dengan menegaskan keperluan penambahbaikan tadbir urus sempadan berasaskan nilai Islam bagi memperkukuh ketelusan, kebertanggungjawaban dan kebijaksanaan dalam komunikasi strategik rentas sempadan.

3). Masalah Kebertanggungjawaban dan Amānah dalam Tadbir Urus Sempadan

Jadual 4: Pernyataan penting dan makna imperatif berkaitan Kebertanggungjawaban dan Amanah

Pernyataan penting	Makna imperatif
i. <i>Tiada juga.. dia punya penguatkuasa sana pun... bukan juga mau cakap lah. Dia ambil tu apaituh.. bukan juga cek habis semua. Pernah juga kami pergi kan..</i>	Informan menunjukkan kekecewaannya terhadap semakan dokumen perjalanan rasmi yang kurang teliti semasa merentasi sempadan dari Sabah memasuki Kalimantan Utara.
ii. <i>Tapi orang dia selalu lintas batas tu.. jaaalan saja. Sebab macam contoh kan di.. di Ulu Kemabong, Ulu Tenom, Tomani sana kan. Kampung Ka.. Kaak kah? Sana ada juga.. itulah kampung paling hujung. Ada anu juga tu sana.. ada aa. PGA. Ada PGA sana. Jadi, kadang-kadang diorang pergi berkebun kan, jalan tembus pergi Indon.</i>	Informan menjelaskan kebiasaan penduduk di sempadan yang melintasi sempadan dengan sangat mudah tanpa menunjukkan dokumen rasmi berkaitan kepada pihak berkuasa.
iii. <i>Aa.. biasalah diorang bawa.. milo, kopi, gula.. mm barang dapur.. Kan Indon tiada Milo.. Selalu diorang seludup dari Malaysia.</i>	Informan menjelaskan mengenai kebiasaan pelawat dari Kalimantan Utara yang membawa balik barangan dapur asas termasuk barangan bersubsidi kembali ke tempat tinggal mereka.

Jadual 4 menunjukkan masalah dalam kawalan operasi dan pemantauan sempadan di antara Sabah dan Kalimantan Utara khususnya dari aspek semakan dokumen perjalanan dan kawalan pergerakan harian penduduk sempadan. Pengalaman informan menunjukkan bahawa pemeriksaan dokumen sering dilakukan secara minimum dan tidak menyeluruh sekali gus membuka ruang kepada pergerakan rentas sempadan tanpa pematuhan rasmi. Dapatan ini menyokong objektif kajian pertama. Selain itu, dapatan ini turut menjelaskan peranan komuniti tempatan dalam membentuk amalan harian rentas sempadan selari dengan objektif kajian kedua dimana terdapat kelaziman penduduk menggunakan laluan tidak rasmi untuk aktiviti ekonomi sara diri dan sosial mencerminkan kebergantungan komuniti terhadap sistem tidak formal akibat kelemahan kawalan institusi. Sekalipun kehadiran pihak berkuasa wujud, ia lebih bersifat toleransi budaya. Sebaliknya, informan ketiga menunjukkan fakta bahawa dengan aktiviti menyeludup barangan bersubsidi berlaku dan perkara ini memberikan indikasi terdapat keperluan kepada penambahbaikan tadbir urus sempadan tanpa menafikan realiti sosioekonomi masyarakat sempadan.

4). Cabaran Strategi dan Kebijaksanaan dalam Pengurusan Sempadan

Jadual 5: Pernyataan penting dan makna imperatif berkaitan Strategi dan Kebijaksanaan

Pernyataan penting	Makna imperatif
i. <i>"Inilah masalahnya, dengan Sabah... mereka cenderung untuk mahu melintasi sempadan, bertemu saudara-mara mereka dan semua itu. Dan itu menimbulkan masalah, sama ada kita memberi mereka, membenarkan mereka masuk atau membenarkan rakyat Malaysia daripada kumpulan etnik yang sama keluar bertemu saudara-mara mereka di negara lain."</i>	Keterangan informan ini merujuk kepada kelemahan strategi pengurusan sempadan Sabah kerana masalah budaya "mahu melintasi sempadan bertemu saudara-mara" yang tidak dapat dielakkan berikutan hubungan persaudaraan yang rapat.

ii. <i>“Pada masa kini, perkara yang paling penting ialah pelancongan. Kita mahu pelancong datang.. dan untuk pelancong datang, kita harus mengurangkan prosedur birokrasi aa..”</i>	Informan ini menjelaskan seharusnya ada pengecualian kepada aktiviti pelancongan di kawasan rentas sempadan kerana ia menguntungkan sekiranya tidak terlalu terikat dengan prosedur.
iii. <i>“..kadang-kadang yang buat kerja tu (Penyeludupan) kawan-kawan dia. Lepas tu dia kata, “kau mau tangkap aku bah, aku bawa beras 1 kilo saja. Takkan mau kena tangkap kan. Anak aku kat sebelah ni (Kalimantan) mati nanti kelaparan. Takde duit nak beli, beli kat Malaysia murah sikit.”</i>	Penjelasan informan ini berkisar kepada motif penyeludupan disebabkan terdapat masalah harga barangan asas di Kalimantan Utara yang mahal berbanding dengan harga di Sabah. Perkara ini mendorong kepada aktiviti penyeludupan barangan asas ke Kalimantan Utara.

Jadual 5 menunjukkan cabaran utama dalam pengurusan sempadan Sabah-Kalimantan Utara bukan sekadar bersifat teknikal tetapi berpunca daripada faktor budaya, ekonomi dan sosial masyarakat sempadan. Penjelasan informan menunjukkan kecenderungan penduduk untuk melintasi sempadan bagi tujuan kekeluargaan dan etnik yang menimbulkan dilema dalam pelaksanaan penguatkuasaan yang menyokong objektif kajian pertama. Selain itu, penekanan informan terhadap kepentingan pelancongan dan keperluan mengurangkan prosedur birokrasi menunjukkan peranan aktor negeri dalam menyeimbangkan keselamatan dan pembangunan ekonomi yang selari dengan objektif kajian kedua. Kelemahan koordinasi dan ketiadaan pengecualian dasar yang jelas mencerminkan keterbatasan strategi sedia ada. Fenomena penyeludupan barangan asas pula menunjukkan faktor tekanan ekonomi sebagai pendorong utama aktiviti tidak formal rentas sempadan mengukuhkan objektif kajian ketiga.

5). Model Al-Amīn: Pengurusan Rentas sempadan berdasarkan Nilai-nilai Islam

Model al-Amīn pengurusan rentas sempadan di atas dibangunkan berasaskan empat sifat kenabian iaitu As-Siddīq, Amānah, Tablīgh dan Fathānah yang menjadi teras kepada pembentukan nilai Islam dalam tadbir urus sempadan. Menurut Filail (2022) empat sifat tersebut merupakan suri teladan yang lengkap kepada amalan terbaik dalam tadbir urus korporat seperti berikut:


Jadual 6: Hubungan Empat Sifat Nabi Muhamad SAW terhadap Prinsip Good Corporate Governance (GCG) (Sumber: Filail, 2022)

No.	Sifat Ketauladan Nabi	GCG
1	Shiddiq	Kejujuran
2	Amanah	Akauntabiliti dan kebertanggungjawaban
3	Tabligh	Ketelusan
4	Fathanah	Keadilan

Jadual 6 menunjukkan hubungan antara empat sifat kenabian Nabi Muhammad SAW dan prinsip GCG dalam tadbir urus korporat organisasi moden. Sifat As-Siddīq bermaksud sentiasa berkata benar dan berpegang pada kebenaran dalam ucapan, tindakan dan keputusan. Dalam konteks GCG, ia dikaitkan dengan prinsip kejujuran. Sifat Amānah bermaksud boleh dipercayai, memegang tanggungjawab dengan penuh kejujuran. Dalam GCG, sifat amanah diterjemahkan kepada akauntabiliti dan bertanggungjawab. Tablīgh bermaksud menyampaikan segala yang benar dan tidak menyembunyikan sesuatu maklumat penting.

Perkara ini selaras dengan prinsip ketelusan iaitu segala maklumat berkaitan pengurusan dan operasi syarikat mesti disampaikan secara terbuka kepada pihak berkepentingan dan masyarakat umum. Manakala sifat Fathānah bermaksud bijaksana dan cerdas dalam membuat keputusan dan menghadapi cabaran. Nilai ini selaras dengan prinsip keadilan iaitu mengambil keputusan dengan keadilan, tanpa berat sebelah serta mengutamakan kemaslahatan semua pihak berkepentingan organisasi. Apabila nilai-nilai ini diterapkan khusus dalam pengurusan rentas sempadan di antara Sabah dan Kalimantan Utara, satu model khusus dibangunkan seperti berikut:

Rajah 2: Model Al-Amīn dalam Pengurusan Rentas sempadan di antara Sabah dan Kalimantan Utara



Rajah 2 menunjukkan Model Al-Amīn dalam Pengurusan Rentas sempadan di antara Sabah dan Kalimantan Utara berdasarkan sifat-sifat Nabi Muhammad SAW semasa terlibat dengan perdagangan rentas sempadan ke Yaman dan Syam bersama Datuk dan Ayah Saudara Baginda (Aladieh, 1991). Model ini menekankan keseimbangan antara kecekapan pentadbiran dan kekuatan moral dalaman yang bertujuan memperkukuh keberkesanan pengurusan sempadan di antara Malaysia dan Indonesia khususnya di kawasan Sabah-Kalimantan Utara. Dalam Al-Quran dinyatakan berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّٰدِقِينَ

Maksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.”

(Surah At-Taubah, 9:119)

Ayat ini menyeru agar semua pihak yang terlibat dengan urusan rentas sempadan termasuk pegawai kerajaan, orang awam atau pemimpin perlu jujur dalam membuat urusan mereka. Kejujuran bukan hanya tertakluk kepada kakitangan atau pegawai kerajaan, malah merentasi semua golongan yang mempunyai urusan rentas sempadan (Sakdiah, 2016). Pegawai kerajaan perlu jujur dalam melaporkan data sempadan, pemeriksaan dokumen dan siasatan agar tiada penyeludupan, pemerdagangan manusia atau rasuah untuk memelihara hubungan dengan negara luar. Pada masa yang sama, orang awam perlu jujur dalam deklarasi barangan, visa dan maklumat diri untuk menghindari dari penipuan atau penyalahgunaan pas sempadan. Bagi pemimpin pula, mereka perlu bersifat jujur dalam memberikan maklumat kepada rakyat dan kepada negara jiran supaya ia tidak disalah tafsir agar dapat memelihara hubungan diplomatik.

Dalam konteks pengurusan sempadan Sabah-Kalimantan Utara, sifat *siddiq* menekankan ketelusan dan kebenaran dalam setiap urusan transaksi rentas sempadan, khususnya melibatkan pemeriksaan dokumen, pergerakan individu dan aliran barangan. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya ketirisan maklumat, toleransi terhadap amalan tidak formal serta kewujudan “ruang kelabu” yang membuka peluang kepada manipulasi prosedur. Penerapan nilai *siddiq* dalam tadbir urus sempadan berupaya membentuk budaya kerja yang berteraskan kejujuran dan kejelasan prosedur, sekali gus mengurangkan rasuah, penyeludupan dan salah guna kuasa yang sering berpunca daripada maklumat yang tidak telus.

Kedua, sifat *Tabligh* menzahirkan tanggungjawab Rasulullah SAW untuk menyampaikan mesej Islam ke luar sempadan Madinah melalui pendekatan damai dan beretika. Selepas termeterainya Perjanjian Hudaibiyah, Baginda menghantar surat kepada raja-raja dunia seperti Kaisar Rom bernama Heraclius, Raja Habsyah iaitu Najashi dan Maharaja Parsi bernama Kisra bagi menyeru mereka mengenal Islam. Tindakan ini mencerminkan diplomasi dakwah yang berasaskan ilmu dan adab. Dalam Surah Ali-Imran dinyatakan:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksud: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

(Surah Ali-’Imran, 3:104)

Ayat ini menjadi asas konsep Tablīgh ia menyeru agar ada kumpulan samada institusi, pegawai atau pemimpin yang menegakkan keadilan dan integriti dalam urusan rentas sempadan. Contohnya, membanteras rasuah, pemerdagangan manusia dan penindasan. Pegawai kerajaan wajib menyampaikan maklumat termasuk undang-undang, dasar atau prosedur kerajaan dengan tepat kepada masyarakat sempadan yang dapat mencegah kekeliruan dan salah tafsir dasar (Sakdiah, 2016). Ini termasuk menyebarkan makalah secara fizikal atau atas talian serta memberi penerangan kepada pemimpin tempatan dan orang awam mengenai perkara ini. Pada masa yang sama, pihak pegawai Kerajaan perlu menyediakan saluran untuk aduan bagi menambahbaik perkhidmatan mereka kepada masyarakat. Orang awam turut berperanan menyampaikan aduan, maklumat jenayah atau aktiviti haram kepada pihak berkuasa manakala pemimpin pula bertanggungjawab menyampaikan dasar negara secara jujur kepada ahli masyarakat.

Sifat Tablīgh merujuk kepada keupayaan menyampaikan dasar, prosedur dan maklumat secara jelas, konsisten dan strategik kepada semua pihak berkepentingan termasuk agensi penguat kuasa dan komuniti sempadan. Dapatan kajian mendapati kelemahan komunikasi antara agensi serta kegagalan penyampaian maklumat kepada masyarakat tempatan telah menyebabkan salah faham terhadap peraturan, kebergantungan kepada saluran tidak rasmi dan pengabaian prosedur rasmi. Justeru, penghayatan tablīgh dalam pengurusan sempadan dapat memperkukuh kefahaman awam, meningkatkan kepercayaan terhadap institusi kerajaan serta menyokong integrasi ekonomi rentas sempadan yang lebih teratur dan sah.

Ketiga, sifat Amānah (Kepercayaan). Sebagai al-Amīn, Rasulullah SAW menunjukkan nilai Amānah yang tinggi dalam mengurus perjanjian antarabangsa dan keamanan sempadan. Contohnya, semasa tinggal di Madinah, Baginda melindungi hak Yahudi dan bukan Islam melalui Piagam Madinah yang dianggap sebagai model awal kontrak sosial rentas etnik dan sempadan agama. Dinyatakan di dalam Surah An-Nisā’ ayat berikut:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksud: “Dan mereka yang menjaga Amānah dan janjinya. Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya.”

(Surah Al-Mu’minun, 23:8-9)

Ayat ini menjelaskan kepentingan sifat Amānah dalam semua transaksi atau interaksi di sempadan. Keunikan dalam ayat ini ialah sifat Amānah digandingkan dengan sifat memelihara solat. Ini kerana Solat merupakan simbol hubungan dengan Allah (*Hablun min Allah*) manakala Amānah pula ialah simbol hubungan dengan manusia (*Hablun min an-nas*). Bila kedua-duanya digandingkan, ia menunjukkan bahawa keimanan sejati mesti terzahir dalam tanggungjawab sosial kerana seseorang yang benar-benar menjaga solatnya pasti menjaga Amānahnya disebabkan sebab solat melatih disiplin, keikhlasan dan rasa diperhatikan Allah. Ia membentuk jiwa bertaqwa yang tidak akan mengkhianati Amānah disebabkan orang yang mengingat Allah secara berterusan lebih berhati-hati dalam urusannya. Dalam konteks urusan rentas sempadan, pegawai atau pemimpin yang menjaga solat akan lebih Amānah dalam menjalankan tanggungjawab, tidak mudah tergoda dengan rasuah atau penyalahgunaan kuasa (Hidayat et. al., 2024). Kegagalan menunaikan Amānah membuka ruang kepada jenayah lintas sempadan dan pencabulan hak asasi manusia. Semua individu perlu mematuhi undang-undang sempadan contohnya tidak menyalahgunakan pas sempadan untuk aktiviti haram. Amānah menjamin keprihatinan dalam menggubal dasar memastikan manfaat bersama bukan kepentingan individu atau parti.

Amānah dalam pengurusan sempadan merujuk kepada kebertanggungjawaban pegawai dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang secara adil, konsisten dan beretika. Dapatan kajian menunjukkan terdapat isu penguatkuasaan selektif, penyalahgunaan budi bicara dan kelemahan mekanisme pemantauan yang menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap pihak berkuasa. Dengan menginstitusikan nilai amānah, sistem penguatkuasaan sempadan dapat diperkukuh melalui akauntabiliti yang jelas, pematuhan kepada etika perkhidmatan awam dan pengurangan campur tangan kepentingan peribadi, seterusnya meningkatkan legitimasi institusi penguat kuasa.

Akhirnya, sifat *Fathānah* iaitu Kebijaksanaan. Rasulullah SAW juga terkenal dengan strategi diplomatik dan politik yang penuh kebijaksanaan. Baginda menggunakan pendekatan hikmah dalam menyelesaikan konflik, contohnya ketika perundingan dengan kabilah luar, Baginda tidak menggunakan kekerasan tetapi strategi damai dan kompromi syarie. Keputusan Baginda untuk menandatangani perjanjian Hudaibiyah walaupun ditentang oleh sebahagian sahabat akhirnya membawa kemenangan strategik Islam. Dalil perkara ini didapati di dalam Surah An-Nahl seperti berikut:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَادِلْهُمْ بَالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksud: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

(Surah An-Nahl, 16:125)

Ayat ini menekankan bahawa kebijaksanaan sebagai ialah asas diplomasi dan hubungan antarabangsa yang sejati. Amat penting untuk Pegawai kerajaan menggunakan kebijaksanaan membuat keputusan ketika menangani isu kompleks seperti pelarian, penyeludupan atau konflik budaya untuk mengelakkan kekerasan tanpa hikmah. Orang awam yang bijak memahami prosedur dan sensitiviti budaya antara dua sempadan membantu mereka menyesuaikan diri dalam urusan ekonomi dan sosial dengan negara jiran. Kebijaksanaan di kalangan pemimpin pula penting dalam menimbang antara keselamatan negara dan kemanusiaan global. *Fathānah* mengelak dasar ekstrem untuk membina hubungan diplomatik berasaskan masalah bersama.

Sifat *Fathānah* menekankan kebijaksanaan dalam merangka dan melaksanakan dasar sempadan agar selari dengan realiti sosio-budaya dan ekonomi komuniti setempat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan dasar yang terlalu rigid dan berorientasikan kawalan semata-mata gagal menangani isu budaya rentas sempadan, hubungan kekeluargaan dan kebergantungan ekonomi masyarakat setempat. Oleh itu, penerapan *fathānah* membolehkan penggubalan dasar yang lebih kontekstual, fleksibel dan berperikemanusiaan, sekali gus mengurangkan konflik, meningkatkan pematuhan dan menyokong kestabilan keselamatan jangka panjang.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurusan sempadan di antara Malaysia dan Indonesia khususnya di kawasan Sabah-Kalimantan Utara masih banyak dipengaruhi oleh pendekatan pentadbiran yang menekankan pematuhan prosedur, kawalan fizikal, keselamatan dan kecekapan ekonomi sebagai indikator utama kejayaan tadbir urus. Berdasarkan dapatan kajian, pendekatan sedia adaini didapati kurang memberi perhatian kepada dimensi moral, nilai kemanusiaan dan kebertanggungjawaban dalaman sekali gus menyumbang kepada kelemahan integriti, jurang pelaksanaan, masalah komunikasi strategik serta toleransi terhadap amalan tidak formal di sempadan. Justeru, kajian ini menegaskan keperluan kepada pendekatan alternatif berasaskan nilai-nilai Islam yang melangkaui pelaksanaan undang-undang dan dasar secara teknikal semata-mata. Model al-Amīn yang dibangunkan melalui dapatan kajian menawarkan satu kerangka konseptual yang mengintegrasikan nilai *Ṣiddīq*, *Amānah*, *Tablīgh* dan *Fathānah* bagi memperkukuh kecekapan pentadbiran, mencegah rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta membina tadbir urus sempadan yang lebih beretika dan berperikemanusiaan. Pendekatan ini memberi keseimbangan antara keselamatan dan pembangunan sosio-ekonomi secara lestari, berbanding pendekatan sedia ada yang cenderung bersifat material dan teknokratik.

Rujukan

- Abdullah, R., Yusoff, N. M., & Rahim, N. A. (2021). *Borderland communities and policy communication in East Malaysia: Challenges of inclusion*. *Journal of Southeast Asian Studies*, 52(2), 215-232.
- Aladieh, S. S. S. (1991). *Meccan trade prior to the rise of Islam* (Doctoral dissertation, Durham University).
- Al-Qaradawi, Y. (2001). *Min fiqh al-daulah fi al-Islam*. Dar al-Shuruq.
- Al-Quran Al-Karim. (2021). *Al-Quran al-Karim: Tajwid dan terjemahan al-Amin*. Humaira Publication Sdn. Bhd.
- Aminuddin, N., & Harun, M. (2023). *Strategic wisdom in border governance: A comparative analysis of Western and Islamic approaches*. *Journal of Islamic Governance and Policy*, 11(1), 65-82.
- Anuar Puteh, N. A. M., Abdul Ghafar Don, & Zulkefli Aini. (2020). *Understanding the concept of integrity among Malaysian Immigration Department staff in the state of Kedah*. *International Journal of Business and Social Science*, 11(8).
- Ali, A. R. M., Bala, B., & Dollah, R. (2019). Pencerobohan dan Serangan Tentera Indonesia Terhadap Sarawak dan Sabah pada Tahun 1963. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 4(1).
- Asmin, A. (2025, February 4). *Kastam rampas rokok seludup, minuman keras tak bercukai bernilai RM1.31 juta*. Sinar Harian.
- Aziz, A. B. (2015). *Pengurusan Islam: Model alternatif pengurusan moden*. UUM Press.
- Bakar, S. A., Abd Majid, M., Samsudin, S., & Saleh, M. S. M. (2022). *Nilai integriti dalam tadbir urus masjid*. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 36-50.
- Bernama. (2024, September 17). *Sabah Customs arrests seven, seizes liquor, cigarettes worth over RM1 million*. Bernama.
- Bernama. (2024, October 12). *ESSCOM arrests six people; seizes over RM1.4m in Tawau*. Bernama.
- Bernama. (2025, July 25). *AKPS tightens officer screening to curb 'counter setting', says DG*. Bernama.
- Comte, E. (2022). *Migration restrictions in the West*. Policy Press.
- Filail, S. A., Dharmayanti, S. P., & Djasuli, M. (2022). *Analisis lima prinsip GCG dalam implementasi sifat Nabi Muhammad SAW*. *Jurnal Ekonomika dan Bisnis (JEBS)*, 2(3), 696-702.
- Hassan, K. (2019). *Islamic governance and integrity: A comparative perspective on public administration ethics*. *International Journal of Islamic Thought*, 16(1), 35-50.
- Heriyansyah, H. (2018). *Perjalanan bisnis Nabi Muhammad SAW. Ad-Deenar: Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam*, 2(2), 190-205.
- Hidayat, A. A., & Muttaqin, I. (2024). *Kepemimpinan dalam pendidikan Islam*. *Katalis Pendidikan: Jurnal Ilmu Pendidikan dan Matematika*, 1(4), 173-185.
- Hooker, M. B. (2003). *Malaysian legal system: History, theory and practice*. Oxford University Press.
- Jeshurun, C. (2018). *Malaysia: Fifty years of diplomacy 1957-2007*. Routledge.
- Kadir, M. N. (2019). *Public communication and trust building in Malaysian border governance*. *Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 11-27.
- Malay Mail. (2025, March 9). *GOF busts illegal frozen food operations in Sabah, seizes RM4.57m worth of goods*. Malay Mail.
- Sakdan, M. F., & Mohamed, A. M. (2014) *Konflik Sempadan dikalangan Negara ASEAN*.
- Mohd Nasir, M. (2019). *Concept of amānah in Islamic administration and its application in public governance*. *Journal of Islamic Management*, 5(2), 45-60.
- Morgenthau, H. J. (1985). *Politics among nations: The struggle for power and peace* (6th ed.). McGraw-Hill.
- Nasution, H. A. (2019). *Islam and trans-border humanity: Humanitarian intervention in the perspective of Islam*. *Himmah: Jurnal Kajian Islam Kontemporer*, 3(1).
- Noor, M. A., Abdullah, F., & Latif, A. (2020). *Public trust and accountability in border governance: A Malaysian perspective*. *Asian Journal of Public Administration*, 42(3), 215-230.
- Othman, Z., & Salleh, R. (2020). *Islamic diplomacy and cross-border collaboration: Lessons from the Prophetic model*. *Journal of Islamic Studies and International Relations*, 5(2), 77-98.
- Rahim, R., Ahmad, Z., & Hassan, N. (2022). *Bureaucratic challenges and ethical dilemmas in Malaysian border enforcement*. *Journal of Southeast Asian Governance*, 18(1), 55-72.
- Rahman, R. A., Abd Aziz, A. S., & Isa, Y. M. (Eds.). (2021). *Dimensi kemanusiaan dalam perundangan merentas sempadan*. UUM Press.
- Rahman, H., & Hashim, N. (2021). *Policy fragmentation and reactive governance in Malaysian border security*. *Southeast Asia Policy Review*, 7(3), 122-140.

- Rizvi, S. A. A. (2012). *The socio-economic conditions of Makkah during the Prophet's time*. International Journal of Humanities and Social Science, 2(23), 231-238.
- Sa'ad, S., Huda, M. I. M., & Rahim, S. S. I. (2023). Border Communities Influence in General Border Committee (GBC) Malaysia Indonesia (Malindo)/Gbc Malindo: Analysis of Malaysia-Indonesia Land Border Management. *American Journal of Science Education Research*.
- Sabri, S., et al. (2024). *Depth analysis of border security space planning for the Rantau Panjang border checkpoint*. Built Environment Journal (Special Issue).
- Sakdiah, S. (2016). *Karakteristik kepemimpinan dalam Islam: Kajian historis filosofis sifat-sifat Rasulullah*. Jurnal Al-Bayan.
- Sari, Y. (2024). *Cross-border Cooperation in the Socio-economic Malindo Cooperation Between Indonesia and Malaysia: A Case Study Of North Kalimantan And Sabah In 2022* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Indonesia).
- Sarjono, F., Chan, S. K., Zakaria, N. S., Maraining, A., Ahmad, S. A., Baco, Z., Yusof, S. N., & Meri, A. (2021). *A grey area phenomena: A survival of informal cross-border trade at Sebatik Island, Malaysia*. Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry, 12(6).
- Sarjono, F., Talib, K. A., & Chan, S. K. (2022). *The Smokol phenomenon in Malaysia-Indonesia cross-border informal trade at Sebatik Island*. JATI - Journal of Southeast Asian Studies, 27(2), 48-72.
- Sarjono, F., & Rudiatin, E. (2022). *Informal cross-border trade: Malaysia-Indonesia borders from authority-defined to everyday-defined*. BASKARA: Journal of Business and Entrepreneurship, 5(1), 108-122.
- Suhaini, N., & Karim, A. K. A. (2016). Konfrontasi Malaysia Dan Indonesia: Penyelesaian Melalui Pendekatan Malaysia. *Jurnal Sains Sosial*, 1(1), 74-94.
- Tahir, M. S. (2024, January 10). *Qushay bin Kilab - Mengenal Qushay bin Kilab, buyut Nabi yang pluralis nan kontroversial*. Darul Da'wah wal Irsyad.
- Waltz, K. N. (1979). *Theory of international politics*. Addison-Wesley.
- Zainal Abidin, M. (2022). *Socio-economic and security challenges in the Malaysia-Indonesia border of Sebatik Island*. Borneo Research Journal, 16(1), 101-118.
- Zulkifli, N., Mohd Yasid, A. F., & Abdul Rahman, A. A. (2024). *Kerjasama sempadan Malaysia-Indonesia untuk meningkatkan keselamatan sempadan Sarawak-Kalimantan: Syor untuk rangka kerja baharu*. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, 51(4).